

Peluang pelaburan Qatar sebagai pucuk dicita, ulam mendatang'

- Lawatan Datuk Seri Anwar Ibrahim ke Qatar mengalu-alukan potensi pelaburan dalam projek bernilai tinggi seperti ekonomi digital, AI, pertahanan, keterjaminan makanan dan tenaga boleh diperbaharui

- Qatar, negara dengan ekonomi antara tertinggi dunia mungkin menjadi pintu penting untuk Malaysia dalam usaha melebarkan jaringan di sekitar rantau Arab khususnya di Asia Barat

Oleh Adha Ghazali
adha@bh.com.my



Pengarang Berita BH

Hubungan diplomatik antara Malaysia dan Qatar terjalin sejak 1974, dengan dua tahun terakhir merekodkan lonjakan dagangan dua hala cukup memberangsangkan. Tahun lalu, Malaysia-Qatar merekodkan dagangan dua hala RM4.2 bilion, nilai konsisten melepasi angka AS\$1 bilion sejak kali pertama dicapai pada 2022.

Suatu yang menarik, konsistensi ini dilakar, meskipun tanpa penganjuran Piala Dunia di Qatar, yang mana ia diakui satu daripada pencetus lonjakan 79.5 peratus nilai dagangan

dua hala kedua-dua negara pada 2022, berbanding tahun sebelumnya.

Malah, sepanjang suku pertama tahun ini, nilai dagangan Malaysia-Qatar melonjak 178.4 peratus kepada RM1.43 bilion berbanding RM0.51 bilion untuk tempoh sama tahun lalu.

Jelas sekali potensi kerjasama antara Kuala Lumpur dan Doha semakin berkembang, lantas Malaysia perlu merebut peluang terhidang ini memperkukuhkan kerjasama sedia ada terjalin selama lima dekad, selain meneroka kerjasama baharu.

Inilah juga antara mesej cuba dibawa Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim melalui lawatan rasmi tiga hari ke Qatar berakhir kelmarin.

Meskipun singkat, tempoh lawatan 44 jam Anwar ke Qatar dimanfaatkan sebaik mungkin untuk mengalu-alukan potensi pelaburan dalam projek bernilai tinggi seperti ekonomi digital, kecerdasan buatan (AI), pertahanan, keterjaminan makanan dan tenaga boleh diperbaharui (RE).

Usaha Perdana Menteri ini wajar disahut penggiat industri Malaysia. Ibarat laluan sudah dibuka, langkah harus diambil untuk merebut peluang terhidang. 'Pucuk dicita, ulam mendatang', kata peribahasa Melayu.

Qatar disenarai dalam 10 negara teratas dari segi persekitaran perniagaan ketika ini menuju peringkat akhir Wawasan Nasional Qatar 2030, dengan kerajaan negara itu terus berusaha melengkapkan dan meningkatkan infrastruktur ekonomi yang pelbagai, didorong inisiatif daripada kedua-dua sektor swasta tempatan dan asing

Perdana Menteri Qatar yang juga Menteri Luar Negeri, Sheikh Mohamed bin Abdulrahman bin Jassim al-Thani melalui ucapannya ketika Forum Ekonomi Doha (DEF) 2024 kelmarin juga menegaskan peralihan ke arah transformasi digital komprehensif melalui peningkatan pelaburan dalam teknologi, inovasi dan AI akan menjadi tumpuan dengan pakej insentif bernilai QR9 bilion diperuntukkan bagi tujuan itu.

Peluang ini tidak harus dilepaskan. Seperti kata

Anwar, Malaysia perlu memanfaatkan langkah Qatar menerokai sektor transformasi digital melalui tawaran insentif QR9 bilion itu disifatkan selari penumpuan Malaysia dalam bidang sama, terutama berkaitan AI.

Malaysia mewakili destinasi menarik untuk pelaburan Qatar dalam sektor pelancongan, hospitaliti, kewangan, hartanah dan perindustrian, selain bidang ekonomi penting lain.

Rakan kongsi perdagangan kelima terbesar

Berdasarkan rekod, Qatar menjadi rakan kongsi perdagangan kelima terbesar bagi Malaysia dengan tahun lalu eksport utama Malaysia ke negara itu membabitkan produk besi dan keluli sebanyak 37.2 peratus; jentera, kelengkapan dan peralatan (16.5 peratus); produk minyak sawit dan pertanian berasaskan minyak sawit (8.5 peratus), manakala selebihnya ialah makanan diproses serta produk elektrik dan elektronik.

Sementara import Malaysia dari Qatar terdiri produk petroleum (47.4 peratus), petroleum mentah (31.5 peratus); kimia dan produk kimia (10.5 peratus), barangan perkilangan logam (9.3 peratus) dan produk perkilangan berasaskan minyak sawit (0.3 peratus). Apa yang pasti, misi Malaysia diterajui Anwar di Qatar secara keseluruhan mencapai matlamat disasarkan.

Dari segi pelaburan, komitmen eksport dan perkhidmatan RM700 juga kepada Malaysia diraih melalui mesyuarat meja bulat bersama 45 tokoh industri Qatar terkemuka daripada 36 syarikat. Antaranya Estithmar Holding, Baladna, Yaleb Group, Morex Group, Tamam Capital, Al Mana Group,

Al-Hashemi, Al Hattab dan Malabar.

Apa pun, penekanan juga perlu diberikan mengenai komitmen Malaysia dalam sektor seperti kimia dan petrokimia, ekonomi digital, elektrik dan elektronik (termasuk peranti perubatan), pemprosesan makanan, industri halal, farmaseutikal, minyak dan gas (O&G) dan RE.

Yang jelas, usaha menarik pelabur tidak seharusnya terhenti setakat Qatar, malah negara dengan ekonomi antara tertinggi dunia berdasarkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) per kapita itu mungkin menjadi pintu penting untuk Malaysia dalam usaha melebarkan jaringan di sekitar rantau Arab khususnya di Asia Barat.

Malaysia akan menjadi Pengerusi ASEAN pada 2025 dan akan menganjurkan sidang kemuncak kedua ASEAN-GCC. Sudah tentu pandangan Qatar menjadi sebahagian negara Arab Teluk turut diperlukan.

Inilah juga antara dibincangkan Anwar dalam pertemuan bersama tampuk kepimpinan Qatar, selain bertukar pandangan mengenai hubungan dua hala, kerjasama ekonomi, serta isu serantau dan antarabangsa yang mempunyai kepentingan bersama.

Pujian juga harus diberikan kerana langkah berani Anwar mengambil kesempatan lawatan ke Doha untuk menemui Ketua Biro Politik Hamas, Ismail Haniyeh.

Meskipun ramai khususnya rakan negara di Barat kurang selesa, Anwar sendiri menjelaskan motif pertemuan itu, antara lain untuk memahami kedudukan sebenar konflik Asia Barat, terutama membabitkan Palestin.



Anwar bersama delegasi Malaysia bersalaman dengan pemain industri ketika menghadiri Mesyuarat Meja Bulat di Qatar, Isnin lalu. (Foto BERNAMA)